

KENYATAAN MEDIA

Media Release



UNTUK SIARAN SEGERA

100,000 KAD KOMUTER LINK PERCUMA UNTUK PENGGUNA PERKHIDMATAN KTM KOMUTER

14 Julai 2017 (Rabu) – KTM Berhad (KTMB) melalui perkhidmatan KTM Komuter akan mengadakan **Promosi Wow! 100,000 Kad Komuter Link (Dewasa) PERCUMA** mulai 17 Julai sehingga 31 Julai 2017. Dalam tempoh tersebut 100,000 kad Komuter Link akan diberikan secara percuma di semua kaunter tiket KTM Komuter di Lembah Klang.

Penumpang boleh memiliki kad tersebut secara PERCUMA tetapi perlu membuat tambah nilai bermula dari RM5 bagi mengaktifkan kad tersebut sebelum menggunakannya untuk menaiki perkhidmatan KTM Komuter.

“Pemberian 100,000 ribu kad PERCUMA ini adalah inisiatif dan tanggungjawab sosial korporat KTMB untuk menggalakkan penumpang KTM Komuter beralih daripada cara pembayaran tiket secara tunai (*cash*) kepada tanpa tunai (*cashless*) dengan menggunakan Kad Komuter Link. Cara pembayaran tanpa tunai ini menjimatkan dan menguntungkan kerana diskaun harga tambang sehingga 20% diberikan berbanding bayaran secara tunai.” kata Pengurus Besar Perkhidmatan KTM Komuter, Encik Khair Johari Ishak.

“KTMB sangat komited untuk menarik lebih ramai pengguna KTM Komuter untuk beralih kepada gaya hidup membayar tambang secara tanpa tunai (*cashless*) dengan memperkenalkan beberapa inisiatif sebelum ini seperti promosi harga kad RM2.00 berbanding harga sebenar RM10.00 dan promosi Raya iaitu 3,000 kad percuma diedarkan di Stesen KL Sentral dan Bandar Tasik Selatan pada bulan lalu.” ujar beliau lagi.

Kad Komuter Link mula diperkenalkan di semua rangkaian stesen KTM Komuter setelah sistem tiket baharu yang menggunakan token dan kad nilai simpan mula beroperasi pada 19 Oktober 2016.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan KTM Berhad di 03-2267 1200 atau Twitter @ktm_berhad.

...

Dikeluarkan oleh Unit Komunikasi Korporat
KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD